

Islamisasi Ilmu Dan Cabarannya Terhadap Pengajian Islam Di Malaysia

Islamization Of Knowledge And Its Challenges To Islamic Studies In Malaysia

NURUL ATHIRAH NORDIN* & NUR FARHANA ABDUL RAHMAN¹

ABSTRACT

Efforts to foster a culture of knowledge study whether from a private point of view or through institutions in social affairs face questions about the policy felt by most members of the developing world in the education system sector. The world's scientific center saw that most of the scientific fields were the result of epistemological dominance by Western ideas. The idea of Islamization of knowledge is an act or process of unification between revelation and reason. This idea is also a reaction or response to the condition of Muslims who seem weak from the point of mastery of knowledge. The state of Muslims after the Islamic glory period felt that if they did not master Western knowledge then it was a shameful thing. The narrowness of the knowledge of Muslims results in the society being said to be dependent on all knowledge and technology that is sourced from the West so that it considers that the West is the center of all science. In Malaysia, there is no escape from the idea of Islamization of knowledge either at the primary, secondary, or higher education levels. The application of elements of Islamization in the field of science produced many impacts that arose from challenges that were well overcome. Therefore, this article will discuss more clearly the concept of Islamization of knowledge, a comparative analysis of the idea of Islamization of knowledge by three Muslim scholars namely Sayyed Hussein Nasr, Ismail Raji Al Faruqi, and Syed Muhammad Naquib al Attas as well as display the challenges faced in shaping the idea of Islamization Knowledge in Islamic education in Malaysia. In this writing, the qualitative research method through literature review is used in analyzing the data collected through descriptive and analytical analysis. The use of books in the form of works, journals, and previous studies is widely used to describe the scope of the debate. The results of this study show that Islamization of Knowledge is a process of liberating knowledge from Western secular influence and the challenge of Islamization of Knowledge in Malaysia is about how to maintain efforts to integrate the Islamic education curriculum so that it is consistent at all levels of knowledge.

Keywords: *Islamization of Knowledge, Muslim Scholars, Challenges*

PENGENALAN

Islamisasi Ilmu merupakan sebuah fenomena yang telah lama membangun dalam pemikiran masyarakat Islam. Gagasan Islamisasi ilmu adalah berfokus kepada Ilmu pengetahuan sahaja. Hal ini berikutan bahawa, isu permasalahan umat kini adalah dari sudut ilmu pengetahuan. Ilmu yang berteraskan kepada wahyu merupakan dasar dalam agama Islam. Kepentingan dan signifikannya ilmu dalam Islam jelas disebutkan dalam dalil Al Quran dan Hadis. Sebagaimana menerusi surah Al-Alaq, penekanan terhadap kemahiran membaca merupakan asas terpenting dalam usaha mendapatkan ilmu pengetahuan. Menerusi surah Al Qalam juga jelas menunjukkan penekanan terhadap kemahiran berkenaan dengan penulisan. Menurut Syed

¹ **Nurul Athirah Nordin*** (Corresponding Author), Postgraduate student at the Research Centre for Theology & Philosophy, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, BANGI, Selangor, MALAYSIA. Email: P121950@siswa.ukm.edu.my; **Nur Farhana Abdul Rahman Ph.D.**, Senior Lecturer at the Research Centre for Theology & Philosophy, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, BANGI, Selangor, MALAYSIA. Email: nfarhana@ukm.edu.my

Muhammad Naquibal Attas (1980), ilmu adalah bukan hanya sekadar maklumat namun ilmu merujuk kepada kewujudan Allah swt sebagai sumber kepada segala ilmu,

Manakala menurut Wan Mohd Nor Wan Daud (1991) pula ilmu merupakan sebuah kualiti dalaman atau rohani yang hanya dimiliki oleh manusia. Kewujudan ideologi dan pemikiran falsafah yang bertunjangkan kepada pemikiran menggunakan akal mengakibatkan Ilmu mula mengalami kekeliruan sehinggakan wujud fahaman sekularisme yang mampu mewujudkan titik perbezaan antara wahyu dan akal serta ilmu dan agama. Pada awalnya, ilmu Islam tidaklah mengalami percanggahan antara wahyu dan agama, namun apabila fahaman dan ideologi Barat mula menyerap masuk, maka timbullah idea-idea atau gagasan yang menyatakan bahawa, ilmu sebenarnya muncul dan datangnya dari Barat. Hal ini sehinggakan umat Islam menerima secara total ilmu yang datang dari Barat. Maka dari itu muncullah gerakan Islamisasi ilmubagi memurnikan semula ilmu pengetahuan dari ideologi keBaratan dan sekularisme atau dalam bahasa mudahnya mengIslamkan atau menjadikan ilmu pengetahuan berlandaskan kepada sistem nilai Islam.

Menurut Wan Mohd Nor Wan Daud lagi, gagasan ini pertama kalinya didefinisikan oleh Syed Muhammad Naquib Al-Attas sewaktu Persidangan Pertama Sedunia mengenai sistem pendidikan berasaskan Islam di Makkah menjelang Mac hingga April 1977. Dalam Persidangan ini juga, Syed Muhammad Naquib al- Attas telah menegaskan bahawa masalah utama umat Islam pada hari ini ialah masalah ilmu pengetahuan. *“The crisis of Muslim today is basically the intellectual and spiritual crisis of identity due to their loss of true knowledge (ilm) and of right action.”* (Al-Attas, 1979). Beliau menyarankan agar umat Islam untuk membuat penyelidikan yang mendalam mengenai konsep dan definisi sebenar pendidikan Islam. Gagasan Islamisasi ilmu ini kemudiannya digeneralisasikan secara meluas oleh tokoh Ismail Raji Al-Faruqi melalui karyanya *The Islamization of Knowledge: General Principles and Workplan* yang telah tersebar ke seluruh pelosok dunia.

Gagasan Islamisasi Ilmu ini jelas terbukti kemasyhurannya apabila melihat kepada sejarah awal Islam yang banyak melahirkan ulama terkemuka yang berkemahiran dalam ilmu berkaitan duniawi dan ukhrawi. Ada di antara ulama tersebut yang pakar dalam bidang falsafah, ilmu hisab, fizik, politik, ekonomi, astronomi, ilmu fiqh, syariah, ilmu kalam dan sebagainya. Usaha Islamisasi ilmu ini juga dapat dilihat ketika zaman ahli falsafah Islam seperti Al Khindi, dan Ibnu Sina. Misalnya, tokoh Ibnu Sina, seorang ahli falsafah yang banyak dipengaruhi oleh fahaman ahli sarjana terdahulu falsafah Barat seperti Aristotle dan Plato mengatakan bahawa setiap yang berlaku semestinya mempunyai sebab tertentu dan Allah merupakan sumber kepada segala kejadian. Meskipun Ibnu Sina merupakan tokoh falsafah, namun beliau tidak memisahkan antara wahyu dan akal, bahkan Ibnu Sina merupakan antara tokoh yang berjaya menghidupkan semula nama Islam baik dari sudut pendidikan perubatan Islam dan lainnya. Antara matlamat utama Islamisasi ilmu adalah menyatupadukan antara ilmu wahyu dan ilmu akal agar ianya sejajar dengan prinsip pengetahuan Islam. Oleh itu, penulisan artikel jurnal ini pada dasarnya akan mengupas dengan lanjut mengenai konsep sebenar Islamisasi Ilmu, menganalisis perbandingan antara tiga tokoh sarjana Islam iaitu Syed Muhammad Naquib Al Attas, Ismail Raji Al-Faruqi dan Sayyed Hussein Nasr serta memaparkan cabaran-cabaran Islamisasi ilmu yang berlaku di Malaysia.

KONSEP ISLAMISASI ILMU

Islamisasi ilmu umumnya telah bermula sejak kemunculan Islam sehinggalah kini dan zaman kegemilangannya adalah sewaktu dinasti Abbasiyyah menjelang abad ke 8 masihi. Nas-nas Al Quran yang telah diwahyukan kepada Nabi SAW yang mana telah jelas memerintahkan

manusia untuk mencari dan mendalami ilmu pengetahuan. Ilmu pada dasarnya difahami sebagai sebuah pengetahuan atau makrifah yang sebenar serta keyakinan terhadap sesuatu perkara tanpa sebarang kesilapan (Nasir Omar,2005). Menurut Herzali Haled, ilmu pengetahuan merupakan perkara penting dalam mewarnai bangsa serta peradaban yang kuat. Setiap perkara di dunia hendaklah berpegang kepada ilmu pengetahuan. Definisi Ilmu dalam Islam bermaksud ilmu yang kesepaduan, manakala sistem pendidikan Barat merupakan ilmu bercerai dan ilmu pemisah. Golongan Barat menganggap agama perlu dipisahkan dalam pengajaran teras, sains mahupun pentadbiran. Barat mendefinisikan konsep sebenar ilmu berpaksikan kepada tiga aliran pemikiran iaitu empirisme, rasionalisme dan pragmatisme, namun begitu hal ini ditolak oleh Syed Muhammad Naquib Al-Attas kerana dilihat menimbulkan banyak kekeliruan dalam kehidupan manusia. Al Farabi, Al-Khawarizmi dan Al-Amiri, turut memberikan konsep ilmu yang mana menurut mereka ilmu dibahagikan kepada dua bahagian iaitu ilmu agama dan falsafah yang mana ilmu agama adalah berlandaskan syariat manakala ilmu falsafah bertunjangkan dan berlandaskan akal fikiran manusia. Dalam Islam ilmu merupakan komponen yang penting sehinggakan memiliki hubungan yang akrab dengan kehidupan. Islam amat menganjurkan umat manusia untuk mencintai ilmu pengetahuan dan memandang tinggi terhadap proses mencari ilmu. Ilmu amat penting dalam membantu kemajuan manusia dalam meningkatkan kehidupan mereka.

Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas, permasalahan intelektual dan pemikiran umat Islam kini adalah kekeliruan mereka dalam memahami ilmu pengetahuan, pembangunan dan pendidikan. Menurut Al- Attas, perpecahan dan kekeliruan dapat diselesaikan apabila wujudnya penyatuan dalam pemikiran sarjana Muslim mengenai idea serta konsep fundamentalisme yang berkait rapat dengan agama Islam dan peradaban masyarakat Islam. Gagasan Islamisasi ini diwujudkan kembali oleh Sayyed Hussein Nasr yang mana tatkala beliau menyedari tentang bahaya sekularisme dan modernisme yang bakal membahayakan dunia dan intelektualserta pemikiran masyarakat Islam. Oleh sebab itu, beliau menggariskan dasar untuk konsep sains Islam dalam aspek teori dan praktikal melalui karyanya *Science and Civilization in Islam* (1968). Islamisasi pada dasarnya merupakan usaha mengIslamkan atau membebaskan ilmu daripada unsur keBaratan atau segala sumber berasaskan tahyul, karut yang bertunjangkan kepada sekularisme dalam wahyu dan akal. Sebelum meneliti Islamisasi Ilmu menurut para sarjana Islam, maka perlu diketahui terlebih dahulu definisi Islamisasi Ilmu.

Dari sudut etimologi, Islamisasi berasal daripada bahasa Inggeris iaitu *Islamization* yang bermakna menjadikan sesuatu itu Islam, mengIslamkan, pengIslaman atau Islamisasi. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka edisi keempat, Islamisasi didefinisikan sebagai usaha atau proses untuk menjadikan sesuatu patuh kepada, sejajar atau bersesuaian dengan ajaran agama Islam, perihal mengIslamkan dan pengIslaman. Dalam konteks etimologi bahasa Arab juga istilah Islamisasi ilmu ini disebut sebagai *Islamiyyah al Makrifat*. Pada awalnya istilah Islamisasi ini diperkenalkan oleh Muhammad Iqbal (pemikir Islam Moden pertama) namun beliau tidak menjelaskan dengan terperinci mengenai Islamisasi ilmu dan kaedah melakukannya. Istilah Islamisasi ini telah diperjelaskan secara terperinci oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas.

Menurut Syed Muhammad Naquib Al-Attas, Islamisasi ialah proses emansipasi manusia daripada tradisi tahyul, karut, animisme, kebudayaan dan emansipasi akal dari sekularisme. Menurut Al-Attas lagi, proses Islamisasi ini merupakan proses yang melibatkan tindakan emansipasi diri (*liberation*) dan pengembalian diri (*devolution*) kepada fitrah asalnya atau lebih dikenali sebagai kembali semula kepada fitrah manusia. Daripada definisi yang dikemukakan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas jelas dilihat bahawa manusia merupakan

komponen utama yang menjadi teras dalam mengerakkan gagasan Islamisasi. Dari kenyataan berikut juga difahami bahawa Islamisasi diketahui sebagai proses membina manusia bagi menghayati ajaran Islam yang sebenar. Menurut Ismail Raji Al-Faruqi (1921-1986), Islamisasi adalah usaha untuk menkonseptualkan atau mengistilahkan kembali, menyusun ulang, memikirkan kembali perbahasan dan rasionalisasi yang berkaitan dengan ilmu, membuat penilaian kembali kesimpulan dan terjemahan demi memperkaya semula warisan Islam. Secara ringkasnya, Islamisasi ilmu menurut Syed Muhammad Naquib Al Attas, Ismail Al Faruqi dan Mohd Yusof Hussein adalah kerangka proses yang sempurna dalam menentukan semula level pendidikan dan amali bagi pengurusan serta organisasi untuk struktur pemerintahan dan rakyat masa kini dan akan datang. (Syamira, Maimun & Atikah, 2016).

Ismail Raji Al-Faruqi (1982) menjelaskan bahawa konsep Islamisasi ilmu tidaklah bererti proses mengislamkan ilmu sendiri sebagaimana pengertian yang disebut secara literal, namun ianya merujuk kepada proses mengislamkan elemen dalam ilmu tersebut. Ianya adalah proses mensucikan atau memurnikan semula ilmu yang benar itu daripada fahaman yang merosakkan seperti kebodohan atau kejahilan, bersangka buruk, biasterhadap sesuatu perkara dan sebagainya. Islamisasi juga sekali gus merupakan proses menghidupkan semula prinsip Islam menerusi kaedah, metodologi, strategi, matlamat, objektif dan aspirasi sesuatu disiplin ilmu seperti ilmu sains dan teknologi. Fokus kepada Islamisasi Ilmu, wujud pendapat yang mengatakan bahawa istilah Islamisasi dan Islamisasi ilmu merupakan dua komponen yang berbeza. Istilah Islamisasi menjurus kepada pembentukan Manusia berjiwa Islam manakala Islamisasi ilmu tertumpu kepada aspek ilmu pengetahuan yang menjurus kepada pemahaman untuk mengIslamkan ilmu-ilmu pengetahuan tertentu. Jika dilihat kepada Islamisasi ilmu juga wujud perbandingan daripada sudut penggunaan kalimah oleh sebilangan sarjana. Antaranya Sayyed Hussein Nasr memberi tumpuan terhadap Islamisasi Sains, Rosnani Hashim (1998) tertumpu kepada Islamisasi dari sudut pendidikan dan Ziauddin Sardar fokus kepada Islamisasi sains dan alam sekitar. (Wan Mohd. Nor Wan Daud, 1991).

Gagasan Islamisasi ilmu ini dilihat sebagai salah satu tindakan untuk menentang pemodenan Barat yang menyokong fahaman sekularisme dan dualisme. Islamisasi ilmu memainkan peranan yang signifikan dalam mengembalikan serta memurnikan semula ilmu yang berlandaskan kepada panduan islam yang sebenar iaitu Al-Quran dan As-Sunnah. Istilah Islamisasi ilmu pengetahuan turut dijelaskan oleh Fazlur Rahman (1982) yang mana beliau mengatakan bahawa Islamisasi ilmu pengetahuan ialah menerima pendidikan moden sekular sebagaimana yang telah berkembang di Barat dan berusaha untuk mengIslamkan ilmu ini menerusi konsep asas Islam. Habibah (2014) menjelaskan bahawa Islamisasi merangkumi usaha atau sebuah proses emansipasi manusia menuju fitrah semulajadi yang mana dalam erti kata yang lain menjalankan proses panyatuan antara ilmu aqli dan naqli . Islamisasi bukanlah sebuah tindakan untuk menukarkan ilmu yang sedia ada serta ianya bukanlah sebuah ideologi atau anutan keagamaan. (Syamira Abdul Wahab, Maimun Aqsha & Nor Atikah, 2016).

Menurut mereka lagi, Islamisasi ilmu merupakan satu proses yang menggariskan penyatuan ilmu agama dan ilmu lain yang ada serta Islamisasi ilmu merupakan suatu metodologi yang bertepatan dengan ajaran agama Islam ke arah menyempurnakan pendidikan berteraskan ajaran Al-Quran dan Al-Sunnah. Selain itu, menurut Taha J. Al wani, Islamisasi ilmu adalah usaha untuk meletakkan kembali kaedah atau metode ilmu yang telah sedia ada supaya ia dicorakkan dan diatur oleh prinsip-prinsip yang berdasarkan kepada wahyu ilahi. Menurut Nasir Omar (2005) pula, Islamisasi ilmu (*Islamization of knowledge*) digunakan secara meluas terutamanya oleh para pendokong gagasan Islamisasi ilmu sendiri. Konsep Islamisasi ilmu mungkin mampu mengelirukan, namun apabila dilihat dengan teliti

Islamisasi ilmu sebenarnya tidak merujuk kepada suatu proses pengislaman ilmu pengetahuan kerana ilmu bersifat neutral dan telah sedia Islamik. Kesemua ilmu adalah pemberian dan rahmat daripada Allah lantaran itu ianya tidak perlu diIslamkan lagi.

Berdasarkan definisi yang dikemukakan di atas jelas difahami bahawa, istilah Islamisasi ilmu diketahuisebagai suatu usaha bagi menjadikan ilmu pengetahuan mengikut kepada sistem nilai Islam. Islamisasi ilmu ini juga difahami sebagai suatu proses melenyapkan elemen yang tidak bersesuaian dengan Al-Quran dan Al- Sunnah misalnya elemen dan ideologi yang datang dari Barat seperti sekularisme, radikalisme, dan dualisme, rasionalisme dan sebagainya. Menurut Haluddin dan Syamsul Bahri, tujuan Islamisasi ilmu pengetahuan adalah menguasai disiplin ilmu moden, memahami warisan Islam, menetapkan kerelevanan dalam setiap bidang ilmu pengetahuan, menemukan kaedah untuk mensintesis secara kreatif antara ilmu warisan Islam dan ilmu pengetahuan moden, membangun pemikiran Islam pada jalan yang membawa kepada kepatuhan kepada Allah, dan meletakkan wahyu bukan hanya sekadar sumber bahkan sebagai elemen menemukan kebenaran. Ishaq (1989) menyatakan bahawa, pentingnya dan perlunya kepada Islamisasi ilmu ini bagi memelihara identiti Islam, membina personaliti anak-anak muda serta mewujudkan budaya dan sistem nilai Islam yang kreatif dan produktif. (Amran dan Khadijah, T.Th)

ANALISIS PERBANDINGAN ISLAMISASI ILMU MENURUT SARJANA ISLAM

Islamisasi boleh dikatakan sebagai sebuah proses atau usaha yang jitu yang membawa manusia mendekat dan mengenali Tuhan. Menurut Ahmad Munawar dan Kamal (2015), proses Islamisasi ilmu ini melibatkan dua bentuk pembebasan iaitu bersifat luaran dan dalaman. Proses secara eksternal atau luaran adalah proses dimana usaha bagi membebaskan manusia dari fahaman dan ideologi jahiliah yang berbentuk tradisional dan moden yang berlawanan dengan nilai Islam manakala proses secara dalaman pula bererti emansipasi yang bersifat dalaman iaitu membebaskan jiwa manusia daripada tunduk kepada ikutan hawa nafsu. Ma'rifat atau *Islamization of Knowledge* telah menjadi usul perselisihan di kalangan para intelektual Islam sejak tahun 1970- an. Gagasan ini dilihat sebagai satu tindakan bagi menentang pemodenan Barat yang menyokong fahaman sekularisme dan dualisme. Masalah yang dihadapi oleh ummah di seluruh dunia pada hari ini dikatakanberpunca daripada pendidikan yang sifatnya sendiri dipenuhi dengan pelbagai cabaran dan masalah. Dalam membincangkan perihal Islamisasi wujud beberapa orang tokoh yang bergiat secara aktif bagi menjelaskan apakah Islamisasi Ilmu menurut pandangan mereka. tokoh-tokoh ini juga memainkan peranan yang signifikan dalam proses pengislaman ilmu. Antaranya adalah Syed Muhammad Naquib Al-Attas, Ismail Raji Al-Faruqidan Sayyed Hussein Nasr. Pada bahagian ini umumnya akan menganalisis persamaan dan perbezaan ideologi dan pandangan yang dibawa oleh ketiga-tiga tokoh pemikir kontemporari ini khususnya mengenai Islamisasi dalam ilmu pengetahuan.

Tokoh pertama yang akan dibincangkan adalah Sayyed Hussein Nasr. Sayyed Hussein Nasr lahir di Iran pada 7 april 1933. Beliau juga mendapatkan pendidikan awal di tempat kelahirannya. Beliau kemudiannya melanjutkan pelajaran ke eropah dan seterusnya meneruskan pengajiannya di Harvard dalam bidang geologi dan geofizik. Sayyed Hussein Nasr merupakan seorang tokoh modernis Islam yang meyakini akan lahirnya kembali peradaban di masa akan datang. Beliau juga dikenali sebagai tokoh falsafah dan sejarah sains. Sayyed Hussein Nasr juga tidak kurangnya dalam memberikan kritikan terhadap pemikiran Barat. Beliau menganggap bahawa pemikiran dan ilmu Barat telah hilangnya unsur ketuhanan kerana tiadanya aspek nilai moral dan spiritual dalam ilmu pengetahuan Barat. Menjurus kepada

pemahaman mengenai Islamisasi ilmu, penggunaan istilah yang diketengahkan oleh Sayyed Hussein Nasr adalah Islamisasi Sains lantaran beliau seorang yang berkemahiran dalam bidang tersebut. Sayyed Hussein Nasr merupakan tokoh yang amat mahir dalam bidang sains Islam sehinggakan beliau menolak sains Barat. Menurut Nasr, Sains Islam datangnya dari Al-Quran dan ianya memandu manusia kearah ilmu Tauhid. Sains Islam juga menjelaskan bahawa, adalah menjadi sebuah kepentingan untuk membentuk sebuah kerangka pemikiran berlandaskan prinsip Ilahiyah. Gagasan Islamisasi ilmu ini pada awal kalinya dicetus oleh Sayyed Hussein Nasr melalui karyanya *The Encounter of Man and Nature* menjelang tahun 1968. Apabila melihat kepada pemikiran Sayyed Hussein, dilihat bahawa beliau menitikberatkan mengenai ancaman sekularisme kepada umat Islam. Menurut Anggita (T.Th), ketokohan Sayyed Hussein dapat dilihat melalui tindakannya yang menolak dan mengkritik sains Barat yang dianggap banyak memberi pengaruh negatif terutamanya apabila dikaitkan dengan unsur kerohanian dan kemanusiaan. Keilmuwan Barat menurutnya bersifat sempit, terkurung dan terbatas. Ilmu pembedaan ini telah memisahkan antara ilmu pengetahuan dan agama. Dalam proses Islamisasi ilmu, Sayyed Hussein Nasr pada Ketika itu tidak melihat kelemahan dalam ilmu tradisi sehingga ianya perlu disepadukan dengan ilmu moden. Baginya, apa yang diperlukan adalah penterjemahan ilmu Barat kepada konteks yang mudah difahami oleh bangsa dan masyarakat lainnya. Peluasan ilmu oleh para sarjana Muslim terdahulu menyebabkan proses penterjemahan perlu dilaksanakan kerana telah berlakunya perkembangan ilmu pengetahuan. Jika Bahasa tidak difahami dengan benar maka ilmu akan difahami dengan kaedah yang salah.

Selanjutnya, Al-Faruqi atau nama sebenarnya, Ismail Raji Al-Faruqi. Al Faruqi lahir di Palestine pada 1 Januari 1921. Pendidikan awalnya bermula di College Des Freses pada tahun 1936 kemudian beliau melanjutkan pelajarannya dalam bidang falsafah di *American University of Beirut*. Al-Faruqi merupakan tokoh yang amat membela umat Islam. Menurut pemikiran Al Faruqi mengenai keIslaman dianggap memiliki nilai penting kerana beliau amat mengutamakan umat Islam. Al Faruqi seperti tokoh yang lainnya memiliki istilah tersendiri mengenai Islamisasi iaitu Islamisasi ilmu moden atau Islamisasi disiplin ilmu. Namun akhirnya istilah yang dipersetujui antara Al Attas dan Al Faruqi adalah menggunakan istilah Islamisasi ilmu Moden Sekular Barat atau dalam bahasa Inggerisnya disebut *Islamization of Modern Western Secular Knowledge*. Menurut al Faruqi Islamisasi merupakan sebuah proses untuk mengubah ilmu pengetahuan terkini agar selari dengan Islam atau pembinaan dan penyusunan semula seluruh skop ilmu manusia secara teratur dan sistematik. Bagi Al- Faruqi, untuk menyusun kembali ilmu Islam, maka ianya perlu diIslamkan “*to recast knowledge as Islam relates to it is to Islamize it*”.

Menurut Al-Faruqi, Islamisasi melibatkan usaha menkonseptualkan atau mengistilahkan, menyusun, memikir dan menstrukturkan semula data, menilai kesimpulan yang dibuat dan memprojekkan semula matlamat disiplin ilmu agar bertepatan dengan Islam. Al-Faruqi turut berpendapat bahawa, Islamisasi adalah usaha bagi mengeluarkan umat Islam dari sikap lesu. Cara hidup Barat yang meluas dalam kehidupan Masyarakat Islam adalah berlandaskan kepada elemen luar. Unsur ini kemudiannya menyerap masuk ke dalam dunia pendidikan yang akhirnya mengakibatkan pendidikan di negara terpecah menjadi dua sistem iaitu moden dan Islam. dalam menjalankan gagasan Islamisasikan ilmu ini menurut Al-Faruqi, tidak boleh mengikut metod Islam semata-mata. Beliau menggariskan beberapa langkah yang digunakan bagi mengIslamisasikan ilmu pengetahuan. Antaranya ialah, menguasai ilmu moden, menguasai turath dalam skop tersebut serta mensintesis ilmu moden dan ilmu Islam. (Mahfuzah Zabidi, T.Th).

Gagasan Islamisasi ilmu ini secara dasarnya dibincangkan lagi oleh Syed Muhammad Naquib Al-Attas. Al-Attas lahir pada 5 September 1931 di Buitenzorg, Hindia Belanda. Antara sumbangan beliau adalah menyelesaikan masalah yang melibatkan sejarah, intelektual dan budaya umat Islam di Kepulauan Melayu. Selain daripada itu beliau juga merupakan manusia pertama di dunia Islam moden yang membina, menjelas dan menghuraikan makna, skop dan kandungan pendidikan Islam, konsep universiti Islam, Islamisasi Ilmu, Metafizik Islam dan Falsafah Sains Islam. (Wan Mohd. Nor Wan Daud, 1991). Fokus kepada perkara berkaitan Islamisasi Ilmu pengetahuan, Naquib Al-Attas menyetujui istilah Islamisasi ilmu semasa. Islamisasi ilmu menurut Al-Attas adalah emansipasi manusia daripada tradisi tidak logik atau karut, animisme dan segala unsur yang bertentangan dengan Islam dan dikuasai oleh fahaman sekularisme dalam sudut Bahasa dan pemikiran. Beliau juga seiring dengan Sayyed Hussein Nasr yang mementingkan bahasa dalam memahami sesuatu ilmu.

Al-Attas juga tidak kurangnya memberi pendapat mengenai pembaratan Ilmu atau ilmu pembaratan. Menurutnya pembaratan ilmu adalah hasil daripada kebingungan dan fahaman yang skeptik. Pembaratan ilmu menghasilkan kekeliruan terhadap kajian ilmu pengetahuan. Menurut beliau lagi ilmu bersumberkan Barat ini tidak memberi penekanan aspek moral dan tidak dibangunkan berteraskan falsafah yang sebenar. Oleh itu menurut beliau, Islamisasi ilmu adalah penting bagi menerapkan kembali nilai Islam dalam keilmuan moden. Menurut Che Haslina (2004), al-Attas berpendapat bahawa Islamisasi ialah tindakan pembebasan dan pengembalian diri. Emansipasi diri bermaksud membebaskan diri dari segala fahaman karut dan juga membebaskan diri secara fizikal daripada sebarang perhambaan kepada manusia serta elemen-elemen yang tidak baik. Pengembalian diri pula ialah kembali semula keparifada fitrah kejadian serta mengamalkan agama Islam dengan baik. Ilmu pengetahuan pada masa kini menurut Al-Attas secara keseluruhannya memiliki ciri ilmu moden yang dibangunkan mengikut kepada kerangka Barat. Oleh itu, bagi beliau Islamisasi ilmu sangat penting untuk mengatasi pengaruh sekularisme yang menghantui kehidupan umat Islam dalam pelbagai aspek termasuklah dalam sistem pentadbiran, ekonomi, pendidikan dan sosial budaya. Dalam hal ini, Syed Muhammad Naquib Al-Attas menggariskan beberapa metodologi bagi menjalankan proses Islamisasi ilmu iaitu, memisahkan hal-hal atau unsur Barat daripada ilmu pengetahuan dan memasukkan dan menyuntik semula unsur Islam dan kefahaman asas Islam dalam setiap sektor ilmu pengetahuan.

Wan Mohd Nor (1998) menyatakan bahawa, menurut al Attas sekiranya proses ini dijalankan maka gagasan Islamisasi dapat membebaskan manusia daripada kuasa magik, mitologi, animisme, serta tradisi budaya yang bertentangan dengan Islam. Islamisasi juga menurut beliau akan membebaskan akal daripada keraguan (syak), sangkaan (Zhann) dan argumentasi atau perbahasan yang kosong. Tuntasnya ketiga-tiga tokoh ini memiliki persamaan dan perbezaan dari sudut penjelasan mengenai Islamisasi ilmu pengetahuan. Analisis pandangan tokoh-tokoh tersebut diringkaskan seperti rajah dibawah:

RAJAH PERSAMAAN DAN PERBEZAAN KETIGA-TIGA TOKOH SARJANA MUSLIM

PERSAMAAN

Persamaan ketiga-tiga tokoh ini dilihat menerusi matlamat mereka yang menumpukan kepada penyatuan dan kesepaduan antara ilmu moden dan tradisonal Islam. penggunaan elemen tauhid dan uluhiyyah dalam pendidikan diperlukan bagi meneutralkan semula ilmu yang berunsur sekularisma dari Barat. Ketiga-tiga tokoh berpendapat bahawa, ideologi dan fahaman sekularisme merupakan ancaman yang bahaya terhadap intelektual umat Islam. Segala aspek kehidupan manusia baik dari sudut politik, sosial, mahulun ekonomi, mula dipengaruhi oleh anasir-anasir Barat. Perkara yang menjadi keutamaan ketiga-tiga tokoh ilmu adalah aspek pendidikan. Melalui pendidikan manusia memperoleh pengetahuan, namun apabila wujudnya westernisasi atau pembaratan, maka bermulanya era di mana pemisah antara ilmu wahyu dan ilmu akal mula tersebar. Islamisasi ilmu dirangka dan diteruskan oleh ketiga-tiga tokoh ini demi meniupkan semula roh Islam dalam dunia pendidikan.

PERBEZAAN

TOKOH	SAYYED HUSSEIN NASR (1933)	SYED MUHAMMAD NAQUIB AL ATTAS (1931)	ISMAIL RAJI AL FARUQI (1921)
ISLAMISASI ILMU	Istilah: <i>Islamisasi Sains</i>	Istilah: <i>Islamisasi Ilmu Semasa</i>	Istilah: <i>Islamisasi Ilmu yang Moden</i> atau Islamisasi dalam disiplin ilmu.
	Islamisasi sains merupakan sebuah konsep dimana ilmu yang sekular dibersihkan dan disucikan terlebih dahulu dari nilai yang bertentangan dengan Islam dan kemudian diisi dengan nilai-nilai Islam didalamnya	Emansipasi manusia daripada tradisi karut, animisme atau segala unsur yang bertentangan dengan Islam dan penguasaan oleh fahaman sekularisme dari sudut pemikiran dan Bahasa	Proses mengubah ilmu semasa agar selaras dengan prinsip Islam. Islamisasi adalah usaha bagi mengeluarkan umat Islam daripada sikap lesu
PROSES ISLAMISASI ILMU	Melihat tiada kelemahan dalam ilmu tradisi Islam. beliau hanya menyarankan agar dijalankan proses penterjemahan ilmu Barat ke dalam Bahasa Arab atau Bahasa yang mudah difahami oleh setiap Masyarakat.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memisahkan hal-hal atau unsur Barat daripada ilmu pengetahuan 2. Memasukkan unsur Islam dan kefahaman asas Islam dalam setiap sektor ilmu pengetahuan. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. memahami disiplin ilmu moden 2. mengetahui ilmu khazanah warisan Islam 3. Membangunkan kerelevenan Islam dan ilmu moden 4. Menyatupadukan nilai dan khazanah warisan Islam secara kreatif dan Moden

CABARAN ISLAMISASI ILMU TERHADAP PENGAJIAN ISLAM DI MALAYSIA

Di Malaysia, pendidikan di negara ini berfokus ke arah mengembangkan keupayaan individu baik dari sudut idea, emosi, jasmani mahupun intelektual. Jika dilihat dari sudut perspektif Islam, tujuan pendidikan di negara ini merangkumi matlamat utama dalam Islamisasi ilmu iaitu melahirkan masyarakat yang seimbang dalam segala aspek. Umat Islam kini dilihat sebagai masyarakat yang jauh ketinggalan baik dari sudut ekonomi, politik mahupun sosial. Media Barat kini pula semakin lama semakin berusaha untuk melabelkan masyarakat Muslim sebagai masyarakat yang bermasalah, teroris, tidak bertamadun, jahil, taklid dan sebagainya. Apabila dilihat kepada kelemahan umat kini, menurut Nasir Omar (2005), Al Faruqi (1982) menyatakan bahawa, punca penyakit dan kelemahan umat Islam adalah kepincangan dari sudut sistem dalam pendidikan. Ketamadunan yang gemilang dan kemajuan Islam telah menjadikan pendidikan sebagai satu perkara yang signifikan dalam kehidupan masyarakat di era ini. Tambahan lagi, ajaran Islam sentiasa mengharuskan ummatnya agar mendalami ilmu pengetahuan dan menguasai bidang pendidikan secara menyeluruh. Seiring dengan hasrat wawasan negara ke arah mencapai negara maju pada tahun 2020, pendidikan terus diberikan keutamaan kepada masyarakat disamping untuk melahirkan masyarakat yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Hal ini kerana kemajuan dan keunggulan sesebuah tamadun banyak bergantung pada modal masyarakat yang dilahirkan. Oleh hal demikian, pendidikan turut mendapat perhatian dan diutamakan dalam program transformasi negara Malaysia seiring dengan perkembangan kemajuan dunia. Pendidikan adalah asas kepada pembangunan insan, insan yang cemerlang adalah insan yang mampu membawa perubahan kepada kemajuan negara dan mengekalkan kewibawaan tamadun yang telah sedia ada. Namun begitu, pada hari ini suasana kehidupan adalah berbeza dengan kehidupan pada masa lalu. Cabaran masyarakat kini adalah berhadapan dengan krisis intelektual dan perkembangan dunia tanpa sempadan.

Bagi meredakan permasalahan ini, maka Islamisasi ilmu dilihat sebagai penawar kepada masalah umat Islam. Menurut Syamira Abdul Wahab, Maimun Aqsha & Nor Atikah, (2016), Islamisasi ilmu bukanlah suatu ilmu yang terkini dalam Islam. Hal ini kerana ianya telahpun wujud sejak zaman kegemilangan tamadun Ilmu Islam menjelang abad yang kesembilan sehingga sebelas masihi seterusnya, telah berhasil membawa lonjakan paradigma kepada dunia. Selepas mencapai kemerdekaan negara, wilayah-wilayah Islam termasuk Malaysia, meneruskan sistem pendidikan moden yang bermula dari zaman penaklukan. Cabaran utama Islamisasi ilmu dalam sistem pendidikan masyarakat Islam bertunjangkan cabaran ilmu yang tersebar menerusi peradaban dan ideologi Barat. Sistem pendidikan negara yang sedikit sebanyak telah menerima kemasukan Barat, mula diIslamkan semula seiring dengan ilmu-ilmu yang lain. Jika dilihat kepada cabaran Islamisasi ilmu di Malaysia, dilihat bahawa ianya terkait dengan beberapa elemen yang perlu diteliti dan dikaji semula dalam sistem pendidikan. Proses Islamisasi ilmu di negara Malaysia dilihat bertujuan memberi kebaikan kepada masyarakat terutamanya dalam pembentukan modal masyarakat

yang cemerlang dan terbilang. Terdapat beberapa cabaran Islamisasi Ilmu terhadap pengajian Islam di Malaysia, antaranya, usaha membasmi ancaman dualisme dalam pendidikan, proses pembentukan serta memantapkan kurikulum bersepadu, serta penerapan nilai murni dan pembangunan masyarakat cemerlang dalam kalangan pelajar pengajian Islam.

Cabaran pertama iaitu usaha pembasmian terhadap ancaman dualisme dalam pendidikan. Pendokong kepada gagasan Islamisasi ilmu bersependapat menyatakan bahawa sistem pendidikan sekular dan agama di dunia Islam hendaklah diperbaiki dan disepadukan. Hal ini dapat dilaksanakan melalui pengIslaman sistem pendidikan yang berbentuk sekular dan memodenkan sistem pendidikan agama. Penyatuan sistem pendidikan ini hendaklah bermula daripada peringkat rendah sehinggalah kepada peringkat pengajian tinggi. Penyatuan dua elemen pendidikan ini dilihat akan membawa banyak kebaikan termasuklah dari satu sistem agihan kewangan negara. Proses penyatuan ini mengakibatkan ramai pihak berwajib dapat mengesan dan memperbaiki kekurangan dan kelemahan yang ada seperti permasalahan kekurangan buku teks yang sesuai dan guru yang terlatih dalam sistem tradisional, serta tabiat mengikut semula yang merugikan pihak Barat dan sistem sekular. (Nasir Omar,2005). Menurut Al Faruqi, dualisme dalam agama dan budaya adalah bertentangan dengan jalan yang menyatupadukan seluruh tindakan dan perlakuan manusia.

Seterusnya cabaran dalam proses pembentukan serta memantapkan kurikulum bersepadu. Amran dan Khadijah menyatakan bahawa, Rosnani (1998) berpendapat, permasalahan besar yang berlaku kini adalah tidak berkuasa atau berupaya untuk membina kurikulum yang selaras dan bertepatan dengan falsafah pendidikan Islam yang memantulkan sifat insani dan tabii berlandaskan perspektif Islam. Kurikulum atau lebih dikenali sebagai skop dan isi kandungan sesuatu mata pelajaran di institusi pendidikan seperti sekolah dan universiti yang mencakupi pembelajaran samada di dalam mahupun di luar kelas ini ringkasnya boleh dilihat menerusi penanaman visi Islam dalam pembelajaran. Menanam visi Islam bermaksud menyediakan asas Islam kepada semua pelajar yang mana setiap dari mereka berhak mendapatkan pendidikan yang lengkap mengenai agama, falsafah, sejarah, undang-undang dan budaya Islam. Menurut Amran dan Khadijah, Hisham (2015) berpendapat bahawa, dalam konteks PDP, gagasan Islamisasi ilmu mengambil dan menggunakan semua bentuk pendekatan dan kaedah PDP selagi mana ianya tidak berlawanan dengan prinsipas Islam. Setiap rancangan memiliki kaedah yang tersendiri dan boleh dilaksanakan selagimana pembelajaran yang beradab dapat dihasilkan.

Pada peringkat pengajian tinggi, para mahasiswa terpaksa berhadapan dengan pelbagai jenis ideologi anti-Islam asing yang didakwa mengandungi kebenaran saintifik dan berlandaskan kepada fakta yang objektif. Akibat daripada kurangnya visi, maka mahasiswa terpaksa mengambil fakta dan hujah sekular yang dilontarkan. Bagi membasmi isu ini, maka kerajaan mengambil inisiatif bagi mewujudkan beberapa inisiatif antaranya mewujudkan pemurnian sistem pendidikan Islam berdasarkan metode risalah An-Nur oleh Bediuzzaman Said Nursi. (Nurulwahidah,2014). Antara tiga perkara yang ditekankan oleh Said Nursi adalah, pendidikan negara perlu dikembangkan mengikut falsafah pendidikan hikmah dan pembangunan insan, mewujudkan dualisma di universiti yang mana beliau menggariskan beberapa syarat antaranya, pendidikan hendaklah seimbang mencakupi semua

disiplin ilmu dan seterusnya, mencadangkan agar wujudnya kepelbagaian dalam pendidikan. Kesemua tindakan ini dilaksanakan di Malaysia tidak kira samaada di peringkat rendah mahupun tinggi demi menggapai gagasan islamisasi ilmu yang sempurna.

Menurut Nasir Omar (2005) lagi, pelajar pengajian Islam kini telah diBaratkan hatta oleh para pensyarah pengajian Islam sendiri. Mahasiswa dan para pelajar dikatakan disogok dengan kurikulum, buku teks, teori dan ideologi falsafah Barat. Oleh itu, keadaan ini perlulah diubah agar visi Islam dapat diserap dan diterapkan dalam diri pelajar. Cabaran ini dilihat sukar apabila wujud proses ingin menyatupadukan dan mengharmonikan antara Islam dan ilmu pengetahuan biasa. Namun apabila dilihat gesaan atau saranan daripada Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), setiap ilmu yang telah diajar oleh pendidik akan menjadi lebih makna sekiranya wujud elemen teologi atau tauhid, nilai, moral dan akhlak, dan hal ini hendaklah dijalankan dalam kurikulum dalam pendidikan.

Cabaran terakhir adalah penerapan nilai murni dan pembangunan modal insan cemerlang dalam kalangan pelajar pengajian Islam. Permasalahan mengenai pembinaan akhlak dan pemikiran umat manusia bukanlah sebuah wacana tindakan pemikiran yang baru. Isu ini boleh dianggap sebagai suatu yang bersifat berterusan oleh kerana pada dasarnya manusia itu sentiasa berubah mengikut kepada keperluan zaman. Dalam mencetuskan perubahan dalam diri, maka wujudlah pendedahan dan cabaran dalam mempertahankan identiti dan jati diri sebagai orang Islam. Menurut al-Faruqi, wujud dari kalangan intelektual Muslim yang memberi penekanan kepada aspek kecelaruan pemikiran hingga mengakibatkan umat Islam kurang berkeyakinan dan percaya untuk menjadikan Islam sebagai asas pembentukan identiti. Melihat kepada cabaran ini, Ismail Al-Faruqi yang merupakan seorang sarjana Muslim kontemporari, mengetengahkan pendapat dan cadangan beliau andai ingin menerapkan nilai-nilai Islam dalam pendidikan Malaysia agar jati diri umat Islam dapat diangkat dan dipertahankan.

Hal ini berlaku ketika mana saat pemerintahan Tun Dr Mahathir Mohamad. Peranan beliau dikatakan sungguh signifikan dalam mengangkat martabat dan kedudukan Islam di Malaysia. Selain Tun Dr Mahathir, antara pemimpin lain yang mengusung idea Al Faruqi adalah Dato Seri Anwar Ibrahim. Dalam menyemarakkan kegiatan dakwah di Malaysia, wujud pembangunan institusi Islam yang telah mula didirikan antaranya penubuhan Universiti Islam Antarabangsa (UIAM). Menurut Bakhir (2008), matlamat penubuhan UIAM pada dasarnya adalah untuk menerapkan ilmu-ilmu Islam kepada mahasiswa. Konsep yang diamalkandi UIAM ialah Islamisasi ilmu terhadap beberapa pengajaran dalam pendidikan yang dibawa masuk dari Barat seperti sosiologi, dan lain-lain. Selain itu penubuhan institusi KUIS juga merupakan salah satu institusi yang menaiktaraf pendidikan Islam khususnya di Selangor. Kurikulum KUIS (Kolej Universiti Islam Selangor), menumpukan kepada dua cabang disiplin ilmu iaitu naqli dan aqli.

Menurut Norazmi Anas, Engku Ahmad Zaki, Hidayah Aziz & etc (2016), terdapat pelbagai tohmahan negatif dilontarkan kepada Islam yang mengakibatkan umat mula dikuasai oleh ideologi Barat hingga meninggalkan Islam. Menurut pengarang, terdapat empat cabaran utama yang menunjukkan realiti tahap pendidikan di Malaysia. Antaranya ialah

menyelaraskan kurikulum sekolah mengikut misi dan visi universiti, meningkatkan peluang pekerjaan kepada graduan pengajian Islam, mencipta kurikulum holistik hasil integrasi pengajian Islam dengan bidang ilmu moden serta meletakkan kedudukan pendidikan Islam selari dengan hubungan antara agama-industri. Fokus kepada cabaran mewujudkan kurikulum holistik integrasi pengajian Islam dan ilmu moden, Abdul Shukor (2008) mengatakan bahawa, umat Isla perlu menguasai ilmu bukan sahaja dari sudut tradisi Islam semata-mata namun ilmu-ilmu moden juga perlu difahami dengan baik. Hal ini bagi beliau adalah bertujuan untuk membantu umat Islam mencapai kejayaan dalam kehidupan serta membina kembali kekuatan dan kedudukan umat Islam yang lemah bagi melahirkan generasi Islam yang mahir dalam cabang bidang keilmuan dunia.

Menurut Amran dan Khadijah, Peranan pendidikan masa kini menjadi semakin dilihat kritis kerana pengaruh Barat yang bertunjangan kepada materialistik, hedonisme dan keduniaan melalui pengaruh modernisasi yang semakin berleluasa dan membahayakan masyarakat Islam. Menurutnya lagi, Nik Azis (1997) berpendapat bahawa, pendidik merupakan elemen utama yang memastikan sesuatu penerapan dalam sektor pendidikan berjaya ataupun tidak. Hal ini kerana golongan pendidik merupakan pemangkin kepada pendidikan dan terlibat secara langsung sebagai selaku penggerak program. Guru juga merupakan intipati kepada sebuah reformasi. Oleh itu berdasarkan penerangan di atas difahami bahawa, golongan pendidik mahupun akademik disarankan agar mahir dalam disiplin ilmu moden di samping menguasai ilmu agama. Cabaran-cabaran di atas seperti menolak ancaman dualisme, menyatupadukan kurikulum, serta membangunkan modal insan pelajar merupakan antara tindakan yang sukar dilakukan lebih-lebih lagi apabila fahaman dan ideologi Barat telah mula menyerap masuk dalam kalangan pelajar. Bagi meredakan keadaan dan mengatasi cabaran dengan baik, langkah proaktif seperti penubuhan institusi pengajian tinggi Islam, menerapkan visi Islam serta mewujudkan kursus yang bersesuaian dengan matlamat Islamisasi Ilmu telah dijalankan oleh kerajaan Malaysia.

KESIMPULAN

Pada era globalisasi kini dilihat, begitu ramai umat Islam termasuklah golongan pengajar atau pendidik yang masih keliru mengenai hal memahami gagasan Islamisasi ilmu ini dengan sempurna. Bagi mewujudkan dan mengharmonikan semula gagasan ini, warga pengajar perlulah mendapat pemahaman yang jelas mengenai Islamisasi ilmu ini. Kewujudan gagasan Islamisasi ilmu pengetahuan dikatakan sebagai reaksi terhadap adanya pemisah antara agama dan ilmu pengetahuan yang diserap masuk oleh Barat dan kebudayaan bersifat moden. Kemunculan ilmu yang datang dari Barat mengakibatkan wujudnya pertentangan antara ilmu Islam dan ilmu Barat. Oleh itu gagasan Islamisasi Ilmu diwujudkan bagi mengharmonikan konflik yang tercetus. Islamisasi ilmu dilihat mencetuskan pelbagai pengaruh yang positif yang mana salah satunya adalah wujud ilmu ekonomi Islam, ilmu perubatan Islam dan lain-lain. Kesemua ilmu yang diIslamisasikan mampu untuk serasi dengan keperluan ummah berlandaskan syariat dan terhindar dari penyalahgunaan ilmu dan hawa nafsu.

Pengetahuan pengajian Islam menjadi sumber yang menjadi teras kehidupan masyarakat Islam. Ilmu yang berteraskan Al Quran dan Al Hadis perlulah didalami dan dipelajari oleh masyarakat Islam demi memantapkan akidah, tauhid dan keyakinan terhadap Allah SWT. Islamisasi ilmu adalah komponen yang penting dalam kehidupan masyarakat yang bertamadun terutamanya dari aspek pendidikan. Penekanan terhadap konsep Islamisasi Ilmu juga merupakan suatu perkara yang menjadi keperluan kepada masyarakat Islam agar mampu untuk mendidik jiwa manusia yang semakin jauh daripada ajaran Islam. Sekiranya proses Islamisasi ini tidak diteruskan usahanya, maka ianya akan membawa implikasi buruk kepada konsep keilmuan tamadun dan peradaban Islam. Justeru itu, semua pihak terutamanya yang beragama Islam harus melihat kepada agenda Islamisasi ilmu sebagai sebuah wadah pembangunan ummah ke arah memerangi musuh-musuh Islam yang berselindung dibalik ideologi yang dibawa dalam kehidupan seharian manusia dengan metlamat menghancurkan umat Islam. Syed Naquib Al Attas menyatakan bahawa, seandainya terus menerus mengamalkan pemBaratan, keaslian dan lesyumlah agama Islam akan hilang sekiranya ianya difahami mengikut kacamata Barat yang meletakkan agama dalam konteks yang sempit dan menganggap agama sebagai amalan kerohanian semata-mata.

Gagasan Islamisasi ilmu ini penting bagi mewujudkan kembali semula martabat dan kedudukan ilmu Islam pada kedudukan yang sebenarnya. Tindakan melaksanakan integrasi antara ilmu Islam dan Barat tidak bermaksud mencampuradukkan secara sewenang-wenangnya antara pengetahuan tradisional Islam dengan pengetahuan moden Barat, tetapi ianya adalah proses yang tertib bagi mengembalikan semula pengetahuan manusia mengikut ciri yang sebenar menurut landasan Islam. Ilmu-ilmu ini bukan sahaja perlu difahami mengikut prinsip dan ajaran Islamnamunya ianya hendaklah didasari menerusi nas-nas al Quran dan hadis demi mengelakkan kesalahfahaman serta kekeliruan yang akhirnya mencetuskan fahaman sekularisme yang memisahkan antara wahyu dan akal. Penubuhan institusi-institusi dan penerapan nilai-nilai keagamaan terhadap pelajar pengajian Islam merupakan antara langkah yang proaktif dijalankan demi membendung ilmu pemBaratan moden yang mampu merosakkan nilai moral umat Islam. Pendidikan Barat umumnya diketahui sebagai ilmu yang kurang menitikberatkan soal adab dan moral, maka dari situ dilihat bahayanya kemasukan Barat dalam dunia Islam. Tindakan yang dilakukan kerajaan bertujuan bagi mengembalikan dan menyerap semula nilai-nilai Islam dalam diri pelajar pengajian Islam, agar nilai-nilai agama terus dimartabatkan dan sentiasa terpelihara.

RUJUKAN

Adam Badrulhisham & Mohamad Firdaus Mohd Isa. (2017). Islamisasi Negara Malaysia dalam Konteks Gagasan Islamisasi Ilmu Syed Muhammad Naquib Al 'Attas : Satu Tinjauan. Jurnal 'Ulwan Jilid 1 2017: 189-203

Ahmad Munawar Ismail & Kamal Radiman. (2015). Aplikasi dan Pelaksanaan Integrasi Ilmu dalam Pendidikan Islam: Pengalaman Malaysia. Jabatan Usuluddin dan

Falsafah UKM¹ & Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Tinta Artikulasi Membina Ummah 1(2), 2015 51-59, e-ISSN:2289-960X

Ahmad Nabil Amir. (2021). Ismail Al- Faruqi dan Faham Islamisasi Ilmu. International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC). International Islamic University Malaysia (IIUM). Vol.3.

Anggita Suci Firdaus. (T.Th). Sakralisasi Ilmu Pengetahuan Ala Sayyed Hussein Nasr. International Relations Department , Faculty of Humanities. University of Darussalam Gontor Female Campus.

Che Haslina Abdullah. (2004). Islamisasi Sains: Signifikan dan Kepentingannya. Centre for Islamic Thought and Understanding (CITU) Universiti Teknologi MARA (UITM) Pahang. Prosiding KONOKA 2004.

Huluddin & Syamsul Bahri. (T.Th). Islamisasi Ilmu Pengetahuan: Pengertian, Tujuan, Langkah dan Pengaruh. Jurnal staidi makassar.

Mahfuzah Mohd Zabidi. (T.Th). Islamisasi Ilmu: Satu Analisa Kritikal. Seliain: Dr. Ab. Halim Tamuri, Mardhiah Mamat, Khadijah Abdul Razak, Maimun Aqsha & Junaidah Mat Isa. (2016). Globalisasi: Cabarannya Terhadap Sumber Pendidikan Islam. Falsafah dan Pedagogi Pendidikan Islam: Isu dan Cabaran.

Mohd Herzali.(2019). Falsafah Ilmu dalam Pendidikan Islam dan Cabarannya di Malaysia. Seminar Antarabangsa Falsafah Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Nasir Omar. (2005). Gagasan Islamisasi Ilmu. Utusan Publications & Distributions Sdn Bhd. Siri Islam dan Masyarakat.

Norazmi Anas, Engku Ahmad Zaki, Nurul Hidayah, Amin Haji Che Ahmat, Imran Abdul Razak & Ahmad Fadhir Mat Dahan. (2016). Islamisasi & Integrasi Ilmu dalam Pengajian Islam: Senario Semasa Pengajian Tinggi Malaysia. E-ISSN:2289 8042 Vol 3 Bil 1.

Nur Syamira, Maimun Aqsha & Nur Atikah Adnan. (2017). Islamisasi Ilmu dalam Pendidikan Negara. Falsafah dan Pedagogi Pendidikan Islam: Isu dan Cabaran. Penerbit UKM. UKM Press. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nurulwahidah Fauzi (2014). Pemurnian Sistem Pendidikan Islam Berdasarkan Metode Risalah An-Nur. Analisis Kajian di Negara Malaysia. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Rosnani Hashim & Ssekamanya Siraje Abdallah. (2013). Islamization of Human Knowledge in Theory and Practice: Achievements, Challenges, and Prospects in the IIUM Context. Institute of Education, International Islamic University Malaysia (IIUM). IIUM Journal of Educational Studies, 1:1 92013),1-12.

Wan Mohd Nor Wan Daud. (2019). Budaya Ilmu, Makna dan Manifestasi dalam Sejarah dan Masa Kini. Pusat Pengajian Tinggi, Sains dan Peradaban (CASIS). Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur.

Wan Mohd. Nor Wan Daud. (1991). Penjelasan Budaya Ilmu. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur. 1995.

Wan Mohd.Nor Wan Daud. (1994). Konsep Ilmu dalam Islam. Terjemahan: Rosnani Hashim. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.